

KORUPSI PEMIMPIN pemusnah rakyat

Berdosa atau tidak? Dalam membincangkan hal itu pula, Dr. Mahmood Zuhdi meletakkan penentuan dosa atau tidak adalah bergantung pada diri sendiri. Ada perkara yang jika si A buat tidak berdosa tetapi si B buat ia berdosa. Contohnya seorang yang naik bas dengan niat yang tidak baik ingin duduk di sebelah wanita. Perbuatan ini sudah berdosa.

Tetapi sekiranya ia naik dengan tidak fikir apa-apa, kemudian terduduk di sebelah wanita atau tertengok aurat wanita, itu tidak dihukumkan berdosa. Perbuatan yang sama tetapi balasan yang berbeza. Sama juga dengan orang yang berhijrah itu dijamin Tuhan masuk syurga, namun Nabi s.a.w. menyatakan jika ada sesiapa yang terlintas di hati mereka berhijrah untuk tujuan lain maka tidak akan mendapat rahmat Allah. Kerana itu soal dosa pahala itu sukar ditentukan, hanya Allah yang lebih tahu bersandarkan pada hati seseorang.

Oleh itu, jika ia mengambil wang dana tersebut untuk faedah diri dan bukan untuk kepentingan negara, agama atau bangsa maka itu satu yang berdosa, tetapi sama ada rasuah atau tidak itu persoalan yang lain. Hati memainkan peranan dalam penentuan dosa atau tidak kerana itu antara dia dengan Allah s.w.t.

Jika betul apa yang dilakukannya, pasti Allah s.w.t. akan berikan ganjaran yang besar, sebaliknya jika menyimpan daripada apa yang disyariatkan Islam, sudah pasti juga akan ada balasan daripada Allah s.w.t. sesuai dengan firmanNya dalam surah az-Zalzalah ayat 7-8 bermaksud, "*Barang siapa yang mengerjakan kebaikan sebesar zarah sekalipun nescaya dia akan dapat*

melihat balasannya. Dan barang siapa yang mengerjakan kejahatan sebesar zarah pun nescaya dia akan melihat balasannya."

Sebagai umat Islam tindakan yang tepat sebagaimana yang dituntut oleh Islam ialah bersangka baik dalam setiap tindakan dan tidak menghukum hanya bersandarkan kepada persepsi semata-mata. Jika melihat seorang yang berzina sekalipun wajib bagi kita sembunyikan daripada pengetahuan umum. Apatah lagi sesuatu perkara yang kita tidak pasti akan kesahihannya untuk dihebahkan.

Baginda s.a.w. bersabda, "Muslim adalah saudara bagi Muslim lainnya, dia tidak menganiayanya dan tidak pula menyerahkannya kepada musuhny, (tidak meninggalkannya tanpa pertolongan) barang siapa menolong saudaranya untuk memenuhi hajatnya, maka Allah bersamanya dalam memenuhi hajatnya dan barang siapa melampangkan sesuatu kesusahan daripada seorang Muslim maka Allah akan melampangkan baginya suatu kesusahan daripada kesusahan di hari kiamat dan barang siapa yang menutupi aib seorang Muslim, maka Allah menutupi aibnya di hari kiamat." (HR Muslim)

Dr. Mahmood Zuhdi, sehubungan dengan itu tegas menyatakan, rasuah adalah satu jenayah yang perlu dihukum, itu jelas kerana Allah melaknat orang yang memberi dan menerima

rasuah. Daripada Aisyah r.h.a katanya, Rasulullah s.a.w. melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah." (HR al-Bazzar & Abu Ya'la).

Orang yang mengambil rasuah adalah orang yang merosakkan disiplin dalam masyarakat. Justeru, dalam Islam jika kesalahan tersebut berulang-ulang atau memberi kesan yang terlalu besar kepada masyarakat dan agama, mereka yang memberi dan menerima rasuah layak dijatuhkan hukuman hudud yang mungkin boleh sampai kepada hukuman bunuh.

Baginya, korupsi yang berlaku kepada pemimpin sebenarnya menggambarkan korupsi satu bangsa dan masyarakat. Oleh itu sebagai rakyat mereka perlu bijak dan siasatlah sebelum menyebar, telitilah sebelum menghukum. Sekiranya ia bersalah, hukumlah dia. Dan, jika sebaliknya buktikan kebenaran dengan telus. Itu sebaik-baik cara. Dan jangan sesekali menghukum hanya bersandarkan pada persepsi semata-mata.

"*Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepadamu seseorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidiklah untuk menentukan kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang telah kamu lakukan.*" (al-Hujurat:6) **A**